



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 26

Rabu

2 Ogos 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Sekolah Kebangsaan di Taman Sutera, Kajang**
– *YB. Dr. Ong Kian Ming (Serdang)* [Halaman 1]

- **Isu Perumahan Anggota Bomba dan Penyelamat
di Petaling Jaya Selatan**
– *YB. Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)* [Halaman 4]

1 Ogos 2017

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRS

15. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] – UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tengah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO

22. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulau] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS
29. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP
30. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany a/l S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*
31. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
33. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C., D.S.A.P. [Paya Besar] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB

14. Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato' Sri Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] – UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. “ Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] – UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. “ Dato' Haji Mohd Fasihah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO
44. “ Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. [Mukah] – PBB
45. “ Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO

46. Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. “ Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato' Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]

9. Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. " Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. " Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. " Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]
17. " Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. " Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. " Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. " Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. " Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. " Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. " Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. " Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. " Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. " Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]

17. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato’ Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian bt. Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nurul Atikah binti Basrudin
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, Ogos 2017
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Isu Sekolah Kebangsaan di Taman Sutera, Kajang

2.34 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ucapan saya ialah sekolah kebangsaan di Taman Sutera, Kajang. Tuan Yang di-Pertua, tapak untuk membina sebuah sekolah kebangsaan yang baru di Taman Sutera telah dikenal pasti. Pembinaan projek ini telah ditangguhkan mulai 30 April 2015. Jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada soalan Parlimen saya yang bertarikh 24 Mac 2016 mengatakan bahawa penangguhan ini disebabkan oleh permohonan kontraktor untuk melaksanakan kerja tambahan iaitu pengeluaran lebih tambakan tanah (*unsuitable material*), dengan izin, yang tidak diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Jawapan yang sama juga menyatakan bahawa pihak KPM telah mengemukakan surat kepada pihak kontraktor pada 14 Disember 2015 untuk meminta sama ada kontraktor yang sama mahu meneruskan kerja ataupun kontrak ditamatkan secara bersama-sama (*mutual termination*), dengan izin. Sampai sekarang, pembinaan di tapak tersebut belum bermula lagi. Memandangkan bahawa penangguhan ini telah berlangsung lebih daripada dua tahun, mengapakah pihak kementerian tidak melantik kontraktor yang baru supaya pembinaan boleh dimulakan dan sekolah boleh dibina secepat mungkin untuk kebaikan dan kesejahteraan penduduk di persekitaran Taman Sutera, Kajang? Sekian, terima kasih.

2.34 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih Tuan Yang di- Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum akan projek pembinaan sebuah sekolah kebangsaan di Taman Sutera, Kajang yang telah tertangguh sejak tahun 2014. KPM juga telah memberikan penjelasan kepada pertanyaan lisan Ahli Yang Berhormat Serdang mengenai projek ini pada tahun 2015 dan 2016. Dalam Kamar Khas pada petang ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

KPM sentiasa membuat pengunjuran dan perancangan pembinaan sekolah, mengenal pasti kemudahan infrastruktur yang perlu dibangunkan atau ditambah baik bagi memastikan infrastruktur yang mencukupi untuk membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Keperluan kemudahan ini dikaji semula setiap lima tahun melalui brif piawai standard bagi bangunan sekolah baharu untuk dimasukkan dalam setiap Rancangan Malaysia. Pada masa yang sama, KPM sentiasa memantau pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh agensi pusat dengan cara yang teratur mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memastikan setiap projek dilaksanakan dengan baik mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di- Pertua, Saya ingin memaklumkan bahawa projek pembinaan sekolah, SK Taman Sutera, Kajang telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Kesepuluh. Perunding arkitek dan kontraktor telah dilantik untuk melaksanakan projek. Oleh kerana aras tanah berbeza dengan pelan asal yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPK), syarikat perunding projek SK Taman Sutera Kajang telah membuat pindaan semula reka bentuk projek. Dalam tempoh tersebut, kebenaran merancang (KM) yang dilulus oleh MPK tamat pada April 2014. Oleh itu, permohonan semula KM telah dibuat setelah mendapat kelulusan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

Akibat perubahan reka bentuk dan skop kerja pengeluaran tanah di tapak projek, KPM telah mengadakan perundingan harga dengan pihak kontraktor bermula September 2014. Namun, pihak kontraktor tidak memberikan sebarang maklum balas kepada cadangan KPM, sehingga pada 13 November 2014 barulah mereka mengesahkan tidak bersetuju dengan kadar harga yang ditetapkan oleh KPM. Ekoran keputusan itu, pada 19 Disember 2014, perunding arkitek telah mengeluarkan arahan penangguhan di tapak projek.

Pada 22 Januari 2015, perunding arkitek mengemukakan kaedah alternatif kerja dan anggaran kos pada 2 April 2015. Pada tahap ini, KPM menjangkakan projek akan

mengalami kelewatan dan meminta kontraktor memohon *extension of time* (EOT). Seterusnya, pembinaan projek sekolah ini telah ditangguhkan mulai 30 April 2015, disebabkan oleh permohonan kontraktor untuk melaksanakan kerja tambahan iaitu pengeluaran lebih tambakan tanah (*unsuitable material*) tidak diluluskan oleh KPM. Dalam tempoh September hingga Disember 2015, KPM mengadakan perundingan dengan kontraktor supaya meneruskan projek tanpa melibatkan kos tambahan kerana KPM terikat dengan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Tuan Yang di- Pertua, bagi menyelesaikan isu tersebut, pada 14 Disember 2015, KPM telah mengemukakan surat kepada kontraktor untuk meminta persetujuan sama ada meneruskan kerja atau kontrak ditamatkan secara bersama-sama (*mutual termination*). Hanya pada 27 Jun 2016, kontraktor telah bersetuju secara rasmi supaya kontrak bagi projek ini ditamatkan secara bersama. Manakala perunding arkitek projek ini juga telah memaklumkan secara rasmi kepada pihak KPM untuk menarik diri melalui surat bertarikh 20 September 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang telah saya senaraikan itulah yang menjadikan projek pembinaan SK Taman Sutera, Kajang tertangguh sehingga kini. KPM tidak menjangkakan perkara itu berlaku. Kesediaan serta keputusan perunding dan kontraktor terhadap projek ini adalah di luar kawalan KPM. Perlu saya tegaskan bahawa, pihak KPM telah mengambil semua langkah yang perlu berdasarkan prosedur dan peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Demi kepentingan masyarakat setempat dalam menyediakan akses pendidikan yang lebih selesa kepada anak-anak mereka, KPM berusaha meneruskan projek tersebut. Terkini, KPM telah membuat pelantikan baharu perunding arkitek bagi projek tersebut. Surat setuju terima (SST) telah dikeluarkan pada 31 Julai 2017. Pada masa sekarang, proses semakan semula reka bentuk projek, permohonan kelulusan merancang daripada pihak berkuasa tempatan dan proses tender akan dilaksanakan semula sebelum kontraktor baharu dapat dilantik bagi melaksanakan projek ini.

Tuan Yang di- Pertua, pada masa ini terdapat tiga buah sekolah kebangsaan yang berhampiran dengan Taman Sutera, Kajang iaitu SK Cheras Jaya yang jaraknya cuma tiga kilometer, SK Taming Jaya, lapan kilometer dan SK Seri Sekamat, lapan kilometer. Penduduk di Taman Sutera Kajang dan masyarakat sekitar boleh terus menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tersebut, sementara menunggu projek pembinaan SK Taman Sutera. KPM akan memastikan semua anak-anak mereka itu mendapat akses pendidikan di sekolah berhampiran berdasarkan pilihan ibu bapa masing-masing.

Kesimpulannya, kelewatan pelaksanaan projek pembinaan SK Taman Sutera Kajang berpunca daripada faktor-faktor yang berada di luar kawalan dan jangkauan KPM. Pihak KPM telah berusaha untuk menjayakan projek tersebut tetapi kekangan di pihak kontraktor telah membawa kepada keperluan melantik kontraktor baharu. Dalam hal ini, proses pelantikan konsultan dan kontraktor baharu telah dimulakan. KPM akan berusaha menyiapkan projek SK Taman Sutera Kajang demi kemudahan dan keselesaan penduduk setempat. Sekian, terima kasih.

Isu Perumahan Anggota Bomba dan Penyelamat di Petaling Jaya Selatan

2.42 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Permasalahan perumahan anggota bomba dan penyelamat di Petaling Jaya Selatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada masalah perumahan bagi menempatkan anggota bomba dan penyelamat di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan.

Berbeza dengan pasukan keselamatan berpakaian seragam seperti tentera, polis serta pasukan penguat kuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan kastam, pasukan bomba dan penyelamat mendapat layanan yang berbeza terutama dalam aspek kebajikan tempat penginapan.

Perkhidmatan pasukan bomba dan penyelamat amat penting dalam menjaga keselamatan orang awam sehingga ada kalanya mereka perlu berhadapan dengan maut. Kerja-kerja memadam kebakaran dan kemalangan jalan raya, menghapuskan keadaan gas beracun di kilang atau kenderaan kemalangan yang membawa gas, menangkap reptilia berbahaya diserahkan kepada mereka. Mereka juga dipanggil dalam menggagalkan percubaan orang awam yang cuba untuk membunuh diri. Pendek kata, mereka ini menanggung tanggungjawab yang berat bagi kita semua.

Saya ingin mendapatkan statistik daripada pihak kementerian tentang jumlah anggota bomba dan penyelamat yang dalam perkhidmatan buat masa kini dan nisbah mereka berbanding dengan populasi terkini. Apakah insentif kenaikan pangkat yang disediakan buat pasukan berpakaian seragam ini dan tangga gaji yang disediakan serta bilakah kali terakhir penyelarasan tangga gaji mereka ini dikemaskinikan. Adakah mereka diberi perlindungan insurans jika berlaku kemalangan ketika menjalankan tugas? Apakah gaji yang disediakan buat anggota bomba dan penyelamat memadai dengan keadaan ekonomi sekarang?

Salah satu aspek kebajikan yang paling merunsingkan mereka ini adalah mengenai kemudahan asas perumahan. Ada anggota yang terpaksa berulang-alik dari rumah mereka ke tempat kerja dalam jarak yang jauh kerana sukar untuk mendapatkan tempat tinggal atau faktor-faktor lain termasuk kadar sewa yang tinggi terutama di Bandar Petaling Jaya. Berapa banyakkah tempat perumahan setakat ini yang disediakan oleh kerajaan, buat anggota bomba setakat ini dan berapa banyakkah lagi projek perumahan buat mereka ini masih dalam pembinaan? Daripada jumlah tersebut, berapa ramai anggota pasukan bomba dan penyelamat layak untuk mendapat kemudahan tersebut serta berapa ramai yang masih dalam senarai menunggu? Adakah kerajaan menyediakan elaun perumahan sekiranya kemudahan perumahan tidak disediakan?

Di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan mempunyai dua buah balai bomba iaitu Balai Bomba Petaling Jaya dan Penyelamat di Seksyen 52 dan juga Jalan Penchala di Seksyen 51. Adakah anggota-anggota yang ditempatkan di kedua-dua kawasan tersebut diberi kemudahan perumahan yang mencukupi? Adakah pihak kerajaan ada rancangan untuk menambahkan lagi tempat penginapan selain daripada kemudahan yang sedia ada? Sila senaraikan projek-projek perumahan yang masih dalam rancangan pembinaan dan jangkaan panjang projek tersebut akan siap.

Saya berharap kerajaan dapat menyenaraikan cara bagaimana untuk menyelesaikan masalah penempatan anggota bomba dan penyelamat di negara ini supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih efisien. Sekian, terima kasih.

2.46 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang dari kawasan Petaling Jaya Selatan. Selepas ini saya sebut PJ Selatan, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ia macam kertas undang-undang Yang Berhormat, ya. Selepas ini disebut.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Oh! Selepas ini disebut. *[Ketawa]* Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat pun sudah sebut tadi senarai tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Panjang lebar dan kita tahu tugas hakiki Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ialah menyelamatkan nyawa, bukan sahaja manusia, haiwan dan sebagainya juga harta awam. Akan tetapi tuntutan yang ada pada hari ini Yang Berhormat, permintaan sudah

lebih tinggi. Permintaan perkhidmatan lebih kepada perikemanusiaan. Kaki masuk dalam lubang jamban pun bomba, biawak masuk dalam rumah pun bomba.

Maknanya skop perkhidmatan yang diberi oleh anggota warga bomba ini sudah semakin luas. Ia mencakupi soal yang berkaitan dengan kehidupan semasa rakyat yang ada terutamanya di negara kita. Jadi saya hendak maklumkan, saya sudah catit, Yang Berhormat kemukakan 11 isu dalam usul Yang Berhormat. Tiga isu berkaitan dengan kawasan Yang Berhormat. Jadi saya akan jawab semua Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai seramai 13,342 anggota beruniform sepenuh masa dan diperkasakan dan diperkuatkan dengan 1,489 orang pegawai bomba bantuan (PBB) dan itu menjadikan jumlah keseluruhan 14,831 anggota bomba di seluruh negara sepenuh masa dan bantuan. Jadi seluruh negara ialah 14,831. Berdasarkan– Yang Berhormat tanya tentang nisbah dengan populasi rakyat di Malaysia.

Berdasarkan kepada penduduk negara ini Tuan Yang di-Pertua, yang kini berjumlah 32 juta orang, nisbah anggota bomba kepada orang awam adalah satu anggota bomba bagi setiap 2,157 orang awam. Ini merupakan satu nisbah yang munasabah dan diguna pakai oleh kebanyakan negara di dunia. Sekiranya jumlah anggota bomba yang saya sebutkan tadi 13,342 dan dicampur pula dengan anggota bomba bantuan tadi, maka jumlah keseluruhan anggota yang ada ialah seramai 28,180 orang termasuk bomba sukarela, yang kita ada seramai 13,349 ia menjadikan jumlah keseluruhan 28,180 orang. Kalau kita ikut nisbah kepada populasi semasa yang ada, maka ia bersamaan dengan satu anggota bomba kepada 1,135 orang awam, ya, Yang Berhormat. Okey.

Tadi Yang Berhormat sebut, layanan yang diberikan oleh kerajaan amat berbeza. Untuk anggota warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, kalau kita bandingkan dengan yang lain, ini tidak betul kerana Yang Berhormat pun tahu apa yang kerajaan buat untuk anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kerajaan tidak pernah mengabaikan sebarang aspek yang berkaitan dengan kebajikan anggota bomba sebagaimana yang dinyatakan seperti yang dilakukan kepada mana-mana agensi keselamatan yang lain.

Berhubung dengan insentif kenaikan pangkat dan juga gaji, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklum kepada Yang Berhormat, pegawai Gred KB19 hingga kepada KB38 yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan, dia adalah layak untuk dipertimbangkan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 dan Penguasa Bomba Gred KB41. Maknanya Yang Berhormat, anggota bomba Gred 19 sehingga yang saya sebutkan tadi, kenaikan pangkat kepada

jawatan-jawatan yang saya nyatakan tadi tertakluk kepada kekosongan jawatan dan apabila mereka sudah disahkan dalam perkhidmatan, memenuhi kelayakan yang ditetapkan ataupun lulus peperiksaan khas.

Maknanya kalau dia itu Gred KB19, dia ambil dari semasa ke semasa, duduk dalam peperiksaan khas yang diadakan daripada KB19 itu akhirnya dia boleh jadi Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kita tidak ada apa-apa sekatan walaupun mereka tidak ada ijazah. *Even though they don't have degree*, dengan izin, mereka boleh melalui semua proses peperiksaan khas yang akan kita adakan, akhirnya mereka boleh sampai kepada kedudukan untuk menjadi seorang Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sampai macam itu sekali kita jaga.

Untuk makluman Yang Berhormat, penyelarasan tangga gaji. Kali terakhir penyelarasan tangga gaji pegawai bomba, kerajaan buat pada 1 Julai 2016 di mana melalui Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam, kerajaan telah menetapkan gaji permulaan Pegawai Bomba Gred KB19 dinaikkan dari RM936 kepada RM1,360 iaitu peningkatan sebanyak RM424 atau bersamaan dengan 45.3 peratus. tahun 2016, Yang Berhormat sudah jadi Ahli Parlimen. Ia naik hingga 45.3 peratus.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga turut menyediakan perlindungan insurans berkelompok. Tugas mereka sentiasa dalam keadaan bahaya yang terbuka. *Anything can happen to them*, dengan izin, untuk anggota bomba sejak tahun 2014 meliputi faedah kematian, kecacatan kekal, khairat kematian, penyakit kritikal, perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat kemalangan sehingga RM40,000.

Ini merupakan tambahan Tuan Yang di-Pertua, kepada faedah-faedah biasa yang melibatkan bayaran pampasan yang diperolehi oleh setiap penjawat awam seperti yang sedia ada di bawah Skim Bayaran Pampasan (*ex-gratia*) bagi pegawai kerajaan di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pegawai Berpencen yang ditimpa kemalangan atau kecederaan termasuk yang teraniaya oleh anasir-anasir jahat semasa menjalankan tugas rasmi.

Secara keseluruhannya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, juga mendapat gaji yang setara sebagaimana yang dinikmati oleh agensi kerajaan yang lain. Selain daripada gaji, pegawai bomba juga diperuntukkan dengan elaun-elaun khas seperti Elaun Pasukan *Hazardous Materials* (HAZMAT), Elaun Pasukan Penyelamat di Air (PPDA), Elaun *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS), dengan izin dan masing-masing bernilai RM100. Turut diberikan adalah Bayaran Insentif Bomba sebanyak RM110 dan RM220 bagi mereka yang bertugas secara syif 12 jam atau 24 jam.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Elaun Memandu Kenderaan Bomba sebanyak RM150 juga diberikan kepada pegawai bomba yang memandu kenderaan yang telah ditetapkan. Ini Yang Berhormat, sedikit sebanyak dapat membantu untuk meningkatkan lagi jumlah pendapatan bulanan yang boleh diperolehi oleh seorang pegawai bomba.

Mengambil kira mereka ini adalah hero yang tidak didendangkan, *they are unsung heroes*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mengambil kira pengorbanan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, menjaga kesejahteraan rakyat, kerajaan kini saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, sedang mempertimbangkan permohonan elaun khas Skim Bomba sebanyak RM200 bagi setiap anggota bomba yang telah pun dikemukakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada kementerian dan *insya-Allah* kita harap mudah-mudahan apabila diluluskan oleh kementerian, dia akan dapat membantu dengan lebih banyak lagi selain daripada apa yang saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, itu yang berkaitan dengan gaji dan insentif. Berkaitan dengan aspek perumahan pula, mengenai aspek perumahan, kerajaan menyediakan 4,110 unit perumahan untuk anggota bomba seluruh negara di mana 3,070 unit telah pun diduduki dan kerajaan sedar bahawa keperluan perumahan ini tinggi. Ia bukan sahaja berlaku di kawasan Yang Berhormat, ia berlaku di seluruh kawasan Lembah Klang, di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru dan Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, kementerian sedang menyiapkan dua projek kuarters berpusat, satu di Kempas, Johor dan satu di Cheras, Kuala Lumpur dengan kapasiti sebanyak 326 unit dan 226 unit masing-masing.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, terdapat 10 projek balai bomba baharu yang sedang dibina Yang Berhormat, yang turut disediakan kemudahan perumahan dan masing-masing sebanyak empat unit iaitu di Tanjong Manis, Batu Niah, Sook, Daro, Bintangor, Beluran, kawasan Tuan Yang di-Pertua. Itu saya tulis huruf besar itu. Itu saya tulis huruf besar, itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, kalau tidak sebut saya sebutkan sekali lagi.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya sudah tulis huruf besar itu. Saya pun semak juga siapa Speaker yang akan *chair* tadi. Jadi saya besarkan tulisannya. Kimanis, Pitas, Gemencheh dan Kuala Krai. Kesemua projek ini dijangka siap secara berperingkat mulai daripada September 2017 sehinggalah Disember 2019.

Pada dasarnya Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai bomba adalah layak untuk memohon sebarang kemudahan perumahan kerajaan berdasarkan pada gred yang

telah pun kita tetapkan. Pada masa ini Yang Berhormat tanya, ada senarai menunggu, tidak ada. Ini kerana ini soal tawaran dan permintaan Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita sediakan kuarters, mereka sudah ada rumah. Kadang-kadang kita sediakan kuarters tetapi mereka rasa tidak sesuai hendak duduk kuarters.

Untuk anggota bomba dekat dengan tempat kerja mereka di balai bomba tetapi mungkin untuk isteri dan anak-anak mereka yang duduk berdekatan dengan kawasan tempat isteri bekerja, anak sekolah, kadang mereka ada pilihan yang lebih daripada keutamaan yang diletakkan untuk diri mereka sendiri. Keutamaan keluarga itu diletakkan sebagai kepentingan yang paling atas berbanding dengan diri mereka. Jadi bagi mana-mana anggota bomba yang tidak mendiami mana-mana perumahan kerajaan, mereka akan menerima elaun perumahan minima RM300 sebulan. Itu pun Yang Berhormat sudah tahu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini menjawab pula – itu saya sudah jawab 11 isu tadi Yang Berhormat bangkitkan. Sekarang saya hendak jawab tiga isu Yang Berhormat bawa bagi kawasan Parlimen PJ Selatan berkaitan dengan dua balai bomba di kawasan Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, masa ini anggota bomba dan penyelamat Petaling Jaya, Seksyen 52 itu Yang Berhormat, ia bukan seksyen 52, itu kerana jalannya yang di depan itu. Sebenarnya itu kita panggil Balai Bomba Seksyen 7, tetapi kadang-kadang orang *confuse* kerana jalan depan itu *is* Jalan Seksyen 52. Jadi orang suka panggil 52. Sebenarnya ialah Balai Bomba Seksyen 7, ya, Yang Berhormat. Ia berjumlah 46 orang dan 29 bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Penchala.

Tiga orang anggota dari Balai Bomba Seksyen 7 duduk kuarters di Balai Bomba Damansara dan Subang manakala sembilan lagi anggota dari Balai Bomba Jalan Penchala duduk kuarters di Balai Bomba Damansara juga. Bagi anggota kedua-dua balai ini yang belum lagi duduk dalam kuarters, mereka ditawarkan kemudahan perumahan di Kuarters Berpusat Cheras di mana jarak dari kuarters tersebut ke tempat bertugas di kawasan Yang Berhormat itu lebih kurang 15.5 kilometer. Kuarters tersebut dijangka siap pada tahun ini.

Masalah kita Tuan Yang di-Pertua ialah tanah. Jadi selepas ini Yang Berhormat balik beritahu dengan Menteri Selangor, beritahu dengan dia bila kementerian minta tanah untuk bina perumahan bagi anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, sokong dan berikan tanah. Tanah ini kalau beri, berilah dekat tempat Yang Berhormat minta tadi. Jangan bila kita minta tanah, nun jauh. Itu yang kena berulang lebih kurang 15.5 kilometer.

Jadi kita harap Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan negeri semua boleh berikan sokongan untuk mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk kita bina perumahan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, *insya-Allah*, ia akan menyelesaikan isu dan masalah jarak antara tempat kerja iaitu balai bomba dengan tempat sedia ada yang mungkin disewakan dan sebagainya atau jarak seperti yang ada pada anggota bomba dari dua balai kawasan Yang Berhormat.

Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab 11 isu tadi dan saya sudah jawab tiga isu. Saya harap Yang Berhormat puas hati, lepas ini balik boleh bercerita yang betul apa yang kerajaan buat untuk anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, nampak sekali Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan puas hati, dia angguk-angguk.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, puas hati. Dia angguk. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 3 Ogos 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.59 petang]